



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (23)dIm.KKM-171(99/4/8)

Tarikh :25 Januari 1997

Pengarah Kesihatan Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang,  
Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor,  
Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah.

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya,  
Kuala Lumpur

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERITAHUAN STATUS JANGKITAN HIV KEPADA PASANGAN ( PARTNER NOTIFICATION )**

Dengan segala hormatnya sukacita saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, pemberitahuan status jangkitan HIV kepada pasangan yang berkenaan merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan HIV/AIDS.
3. Pemberitahuan pasangan atau ' Partner Notification ' adalah merupakan satu pendekatan 'public health' di mana pasangan seksual atau pun mereka yang berkongsi jarum suntikan dengan seseorang yang dijangkiti HIV dimaklumkan tentang kemungkinan bahawa mereka telah terdedah kepada risiko jangkitan HIV, mereka perlu diberi kaunseling berkenaan dengan pendedahannya kepada kemungkinan jangkitan HIV dan ditawarkan bentuk rawatan yang sesuai.
4. Manfaat yang diperolehi dari aktiviti ' partner notification ' ini adalah dapat mencegah jangkitan HIV dari mereka yang telah dijangkiti kepada pasangannya, dapat mengurangkan kadar penderitaan dan kematian yang berkaitan dengan jangkitan HIV/AIDS dan yang paling tinggi bagi mereka yang mengetahui status mereka dapat merancang masa depan untuk menjalani kehidupan dengan positif.
5. Perlaksanaan ' partner notification ' ini perlu dilakukan dengan cermat dan ' professional ' supaya tidak menimbulkan masalah dan kesan negatif terhadap pasangan yang berkenaan.

6. Dalam pelaksanaan aktiviti ' partner notification ' pada masa yang lalu pesakit / mereka yang dijangkiti oleh HIV diberi masa selama 2 minggu untuk memaklumkan status jangkitannya kepada pasangan mereka, terutamanya isteri / suami, dan bilamana ia gagal untuk memaklumkan kepada pasangannya dalam tempoh tersebut, perkara ini (partner notification) akan dilakukan oleh kakitangan kesihatan.

7. Pengalaman pada masa lalu menunjukkan bahawa kaedah yang diamalkan tersebut kurang memuaskan dari segi perlaksanaannya, dimana suami yang dijangkiti oleh HIV tidak memaklumkan kepada isterinya dan begitu juga sebaliknya, akibatnya jangkitan HIV terus berlaku di kalangan pasangan suami isteri dan juga dikalangan penagih-penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan.

8. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan aktiviti 'partner notification' ini dan untuk memastikan pelaksanaannya mencapai tujuan yang dimaksudkan , telah diputuskan bahawa bagi semua kes jangkitan HIV yang dikesan, pasangan-pasangan mereka perlu dimaklumkan dengan seberapa segera ( sebaik-baiknya dalam masa 24 jam ).

9. Pemakluman ' partner notification ' ini perlu dilakukan secara lisan oleh pegawai perubatan yang mengendalikan kes tersebut atau pun oleh lain-lain kakitangan yang difikirkan sesuai, ia perlu diikuti dengan aktiviti kaunseling kepada pasangan yang berkenaan.

10. Keputusan ini dibuat dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan usaha mencegah jangkitan HIV/AIDS dari terus berlaku, terutamanya untuk mencegah jangkitan HIV kepada pasangan yang belum dijangkiti oleh HIV.

11. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diminta untuk memaklumkan keputusan ini kepada semua kakitangan di bawah jagaan Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan untuk dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

12. Di atas perhatian dan tindakan yang segera dari pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan diucapkan berbilang terima kasih.

Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



“( DATO' DR. HJ. WAN MAHMUD OTHMAN )

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan ( Kesihatan Awam )

s.k. - Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia